KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# STATISTIK HARI INI
## oleh DOSM pada 12:00 tengah hari

31 JULAI 2025 | #159 | SDDS

# Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2025




**0.5 peratus**
Kadar pertumbuhan penduduk tahunan

| | 2025 | 2024 |
|---|---|---|
| Warganegara | 30.9 juta (90.1%) | 30.7 juta (90.0%) |
| Bukan Warganegara | 3.4 juta (9.9%) | 3.4 juta (10.0%) |

## PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN UMUR

Umur Penengah

- 31.3 tahun (2025)
- 30.9 tahun (2024)

| | 0-14 tahun | 15-64 tahun | 65+ tahun |
|---|---|---|---|
| 2025 | 7.4 juta (21.6%) | 24.1 juta (70.4%) | 2.7 juta (8.0%) |
| 2024 | 7.6 juta (22.2%) | 23.9 juta (70.2%) | 2.6 juta (7.6%) |

## PENDUDUK MENGIKUT JANTINA

| | Lelaki | Perempuan |
|---|---|---|
| 2025 | 18.0 juta (52.5%) | 16.3 juta (47.5%) |
| 2024 | 17.9 juta (52.5%) | 16.2 juta (47.5%) |

Nisbah Jantina: **110** Lelaki bagi setiap 100 perempuan

| | 2025 | 2024 |
|---|---|---|
| PENDUDUK BERUMUR 15-30 TAHUN | 9.6 juta (27.9%) | 9.5 juta (27.9%) |
| PENDUDUK BERUMUR 60 TAHUN DAN LEBIH | 4.1 juta (12.0%) | 3.9 juta (11.6%) |

■ 2024 ■ 2025[P]

## PERATUSAN PENDUDUK WARGANEGARA MENGIKUT KUMPULAN ETNIK

| | 2025 | 2024 |
|---|---|---|
| Bumiputera | 70.5% | 70.3% |
| Cina | 22.2% | 22.4% |
| India | 6.5% | 6.5% |
| Lain-lain | 0.8% | 0.8% |

**Nota:**
i. [P] Permulaan
ii. Data tahun 2024-2025 adalah merujuk kepada data anggaran penduduk pertengahan tahun berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020.
iii. Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran.

**Sumber** : Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2025
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

## Peratus penduduk mengikut struktur umur utama dan kadar pertumbuhan, Malaysia, 1970-2025



# Melaka, Pahang dan W.P. Kuala Lumpur menyertai sembilan lagi negeri menua

- Jumlah penduduk Malaysia pada 2025 dianggarkan 34.2 juta berbanding 34.1 juta pada 2024 dengan kadar pertumbuhan 0.5 peratus. Penduduk Warganegara meningkat daripada 30.7 juta pada 2024 kepada 30.9 juta pada 2025 dengan kadar pertumbuhan menurun daripada 0.7 peratus kepada 0.6 peratus. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan trend yang sama dengan kadar pertumbuhan sebanyak -0.5 peratus pada 2025 berbanding 13.6 peratus pada 2024.

- Pada 2025, sebanyak 12 negeri di Malaysia telah mencapai status negeri menua dengan tambahan tiga negeri baharu iaitu Melaka (7.3%), Pahang (7.1%) dan W.P. Kuala Lumpur (7.1%). Perak kekal mendahului dengan peratusan tertinggi penduduk umur tua (10.3%).

- Lima negeri iaitu Terengganu (1.2%), Kelantan (1.0%), Pahang (0.6%), Selangor (0.6%) dan Melaka (0.6%) telah melepasi kadar pertumbuhan nasional 0.5 peratus. Tiga negeri yang mencatatkan peratusan penduduk tertinggi pada 2025 ialah Selangor (21.6%) diikuti Johor (12.3%) dan Sabah (11.0%). Sebaliknya, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya mencatatkan peratusan penduduk terendah iaitu masing-masing 0.3 peratus dan 0.4 peratus.

- Komposisi penduduk Warganegara pada 2025 meningkat kepada 90.1 peratus (2025) daripada 90.0 peratus. Sementara itu, komposisi penduduk Bukan Warganegara menurun daripada 10.0 peratus kepada 9.9 peratus bagi tempoh yang sama.

- W.P. Putrajaya mencatatkan komposisi penduduk muda (0-14 tahun) tertinggi pada 2025 dengan 33.3 peratus. Manakala W.P. Kuala Lumpur mencatatkan komposisi penduduk umur bekerja (15-64 tahun) tertinggi iaitu 76.1 peratus.